

02 JUN 1998

MALAYSIA-EURO/I

MALAYSIA AKN GUNA EURO DALAM DAGANGAN DENGAN EROPAH

Oleh: Michael Raj

TOKYO, 2 Jun (Bernama) -- Malaysia akan menggunakan euro, matawang tunggal Eropah yang dijangka diperkenalkan tahun depan, dalam dagangannya dengan negara-negara di benua Eropah, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata hari ini.

Perdana Menteri berkata ini adalah sebahagian daripada usaha-usaha kerajaan untuk mengurangkan pergantungan kepada sebarang matawang tunggal, terutamanya dolar AS.

Pergantungan kepada dolar telah menjadikan ekonomi Malaysia mudah terjejas, disebabkan kemudah ruapan matawang itu akibat ringgit yang jatuh dengan ketara oleh kerana serangan spekulatif sejak Julai tahun lepas.

Sebagai contoh, kata Dr Mahathir perdagangan dengan Amerika Syarikat merupakan cuma 18 peratus daripada keseluruhan perdagangan, tetapi 70 peratus daripada perdagangan negara diurus niagakan dalam dolar AS.

"Apabila dolar naik, kami terpaksa membayar lebih dan ekonomi kami menjadi lemah," katanya semasa sesi soal-jawab pada simposium di sini yang dianjurkan oleh Institut Hal Ehwal Matawang Antarabangsa berpangkalan di Tokyo.

"Malahan sekarang, kami berdagang dalam matawang-matawang rakan-rakan kongsi dagangan kami di Eropah seperti deutschemark dan paun British dan paun telah menjadi kukuh pada masa ini," katanya.

Katanya Malaysia tidak bercadang untuk mengikat ringgit kepada sebarang matawang tetapi akan menggunakan satu kumpulan matawang, satu langkah yang akan mengurangkan kesan buruk sebarang kenaikan menddap di dalam sesuatu matawang.

Jawapan-jawapan Perdana Menteri turut menyentuh mengenai pelbagai isu termasuk kenapa Malaysia tidak memathui sepenuhnya pembaharuan Tabung Matawang Antarabangsa (IMF) seperti menaikkan kadar faedah sungguhpun ia telah melaksanakan beberapa langkah cara IMF sejak krisis matawang meletus.

Menaikkan kadar faedah dan meningkatkan cukai, yang seolah-olah merupakan formula standard bagi ekonomi-ekonomi yang terjejas oleh krisis matawang, boleh memuflikskan syarikat-syarikat dan nasib yang serupa boleh menimpa kerajaan-kerajaan bagi mereka yang bergantung kepada cukai korporat untuk mengekalkan operasi mereka, katanya.

"Itulah sebabnya kami teragak-agak mematuhi sepenuhnya IMF tetapi berhubung dengan SPA, kami mengikuti pengalaman masalah tabungan dan pinjaman yang wujud di Amerika Syarikat pada pertengahan '80-an," jelasnya.

Katanya Malaysia juga mengambil pengajaran daripada kesilapan-kesilapan Jepun apabila ia tidak menangani NPL pada peringkat awal, yang kenapa SPA diilhamkan untuk mengelakkan pinjaman seumpamanya daripada membebani sistem perbankan.

Secara berseloroh, Dr Mahathir berkata Malaysia bukan semata-mata memandang ke Timur (ke Japan), tetapi memandang amat Jauh ke Timur ke Amerika dan Resolution Trust Corporation dan bagaimana orang Amerikan menangani masalah tabungan dan pinjaman.

Satu lagi syor IMF yang menerima kritikan ialah penutupan 16 buah bank yang bermasalah kewangan di Indonesia, yang sementara bermatlamat mengembalikan keyakinan, telah mendapat kesan sebaliknya dengan orang ramai bimbang bank yang mana akan menerima padah berikutnya.

"Dalam hal kami, apabila kami melihat NPL meningkat, ia bukanlah kerana NPL sebenarnya. Tetapi apabila kita turunkan nilai matawang, maka kita turunkan nilai harga saham, syarikat-syarikat mendapat susah, mereka tidak

boleh membayar," kata Dr Mahathir.

Malaysia diberitahu bahawa NPL patut dianggap NPL selepas tiga bulan dan bukan enam bulan seperti dahulu dan "dalam memotong separuh tempoh itu, ketaralah bilangan NPL akan tinggi," katanya.

Di samping itu, syarat-syarat tambahan IMF, terutamanya memaksa ekonomi-ekonomi yang terjejas seperti Indonesia, Thailand dan Korea Selatan membuka kepada hampir keseluruhan penyertaan asing, adalah juga tidak diterima dengan baik oleh banyak pihak.

Dr Mahathir berkata pembaharuan oleh IMF seperti itu tanpa mengambil kira akibat yang boleh menyebabkan ekonomi membeku.

"Sungguhpun pesakit amat sakit dan perlukan ubat, sesetengah ubat boleh membunuh, saya tahu, saya bercakap sebagai seorang doktor," katanya di tengah-tengah ketawa para hadirin.

Ditanya kenapa Malaysia dilihat sebagai mengikut pembaharuan cara IMF, Dr Mahathir berkata, "Secara jujur, kami merasa terancam. Kami diberitahu jika kami tidak melakukan perkara-perkara itu ekonomi kami akan terus merosot nilai."

Mengenai cadangannya bagi pembaharuan sistem kewangan antarabangsa, perdana menteri berkata ia adalah berasaskan kepada sistem kadar tukaran wang yang stabil.

Ini adalah kes perjanjian Bretton Woods selepas Perang Dunia Kedua, yang membolehkan ekonomi-ekonomi yang menjadi muflis oleh perang itu, seperti Jerman dan Jepun, bukan saja boleh pulih, tetapi juga menjadi makmur.

Beliau juga mengulas: "Anda boleh menjadi muflis dengan turun-naik mendadak dalam tukaran wang asing dengan matawang-matawang bergerak daripada kesusutan nilai 100 peratus kepada penyusutan nilai 600 peratus... mahukan anda memfliskan dunia?".

Dr Mahathir menyatakan keyakinan dengan kestabilan kadar tukaran wang, menjejaskan ekonomi-ekonomi daripada krisis matawang, yang meletus setelah serangan ke atas baht Thai pada bulan Julai tahun lalu, boleh pulih. --  
BERNAMA

MR SHY OS